



**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**TAJUK : “BAHAYA ATHEIS”
TARIKH: 3 NOVEMBER 2017M / 13 SAFAR 1439H**

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَلَيْنَ سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولَنَّ اللَّهُ قُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ
بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٥﴾ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ
هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ ﴿٢٦﴾

(Surah Luqman : 25 - 26)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ. وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah ﷻ dengan melakukan segala perintah Allah ﷻ dan menjauhi segala larangan-Nya. Peliharalah diri daripada melakukan perkara-perkara yang dikhuatiri boleh merosakkan aqidah dan ibadah kita. Sentiasalah kita bersyukur kepada Allah ﷻ dengan meningkatkan amal ibadah dan memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Allah ﷻ serta mengeratkan hubungan kita sesama manusia. Mudah-mudahan kita tergolong dalam golongan mereka yang memperolehi keredhaan Allah ﷻ, kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Firman Allah ﷻ di dalam Surah Ali 'Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya : *Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada agama Allah, dan janganlah berpecah belah.*

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**BAHAYA ATHEIS**”.

SIDANG JUM'AT YANG DIMULIAKAN,

Perkembangan teknologi maklumat telah menyebabkan berlakunya perubahan yang ketara terhadap gaya hidup masyarakat moden. Namun di sebalik kemajuan dan ledakan teknologi yang semakin berkembang, umat Islam perlu menyedari bahawa cabaran hidup pada zaman ini jauh lebih hebat jika dibandingkan dengan keadaan

sebelumnya. Antaranya kita terpaksa berhadapan dengan cabaran yang semakin getir dalam mempertahankan aqidah yang benar.

Jika dahulu kita berjaya mengawal, menyekat dan menapis segala bentuk fahaman yang cuba merosakkan aqidah kita serta generasi muda kita, namun ternyata bahawa kawalan, sekatan dan tapisan kini sudah tidak lagi mampu dilakukan seampuh masa dahulu. Realitinya anak-anak muda dan remaja kita sangat terdedah kepada pelbagai bentuk fahaman yang menyeleweng sehingga boleh merosakkan diri dan aqidah mereka.

SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,

Asakkan pelbagai ideologi barat telah berjaya meresap masuk sehingga mempengaruhi cara berfikir umat Islam masa kini. Lebih membimbangkan, terdapat kalangan umat Islam yang bukan sahaja terpengaruh dengan pemikiran songsang tersebut, bahkan mereka bersungguh-sungguh mempertahankan dan menyebarkan kepada orang lain.

Antara yang membimbangkan kita sejak akhir-akhir ini ialah penglibatan anak-anak muda dan remaja kita dalam kumpulan yang tidak mempercayai kewujudan tuhan atau disebut sebagai atheis. Tahukah para jamaah sekalian, apakah itu atheis atau atheism?

Atheisme bermakna fahaman atau kepercayaan yang tidak mengakui kewujudan tuhan. Atheisme adalah merujuk kepada ketidakpercayaan atau kurang kepercayaan tentang kewujudan tuhan. Dalam Bahasa Arab atheisme adalah al-ilhad (الإلحاد). *Ilhad* dari segi istilahnya adalah

sebuah mazhab falsafah yang menafikan kewujudan Allah ﷻ sebagai Pencipta Alam semesta ini.

Atheisme adalah satu fahaman yang menolak akan kewujudan Tuhan dan alam ghaib kerana bagi mereka alam ghaib juga termasuk dalam dunia tabi'e. Oleh sebab itu, penganut atheis boleh dikira berdasarkan penolakan atau kurangnya kepercayaan kepada agama dan Tuhan. Atheisme terbina atas asas kebencian dan kebebasan sepenuhnya daripada agama. Ada yang menolak kewujudan Tuhan, ada yang menolak agama dan ada yang menolak pengetahuan tentang Tuhan dan kewujudan-Nya.

SIDANG JUM'AT YANG BERBAHAGIA,

Beberapa ciri fahaman atheis dapat dinyatakan seperti berikut;

1. Menolak secara mutlak wujudnya tuhan atau segala yang bersifat Ilahiah.
2. Menetapkan hujah bahawa tiada bukti wujudnya tuhan dan kegagalan sains mengesahkannya sebagai asas kepada penolakan tersebut.
3. Meyakini bahawa hidup adalah satu proses di mana tiada ruang untuk menerima kewujudan tuhan.

Fahaman ini secara jelas amat bertentangan dengan dasar akidah Islam yang berpaksikan kepada tauhid. Firman Allah ﷻ dalam surah al-Ikhlâs, ayat 1-4:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا
أَحَدٌ ۝

Maksudnya: Katakanlah (Wahai Muhammad): “(Tuhanku) ialah Allah yang Esa; “Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; “Dia tidak beranak, dan Dia pula tidak diperanakkan; Dan tiada sesiapa pun yang setara dengan-Nya.

SIDANG JUM‘AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,

Golongan atheis terbahagi kepada beberapa kumpulan. Antaranya ialah atheis terbuka atau juga dikenali sebagai *New Atheists*. Kelompok ini terdiri daripada kalangan penulis buku abad ke-21 yang mempromosikan ateisme. Disebut *New atheism* untuk membezakannya dengan atheis lama yang berkembang dalam tradisi falsafah. Ciri utama gerakan atheis baru adalah keyakinan para pendokongnya bahawa sains mampu menjawab persoalan-persoalan dasar termasuk pertanyaan tentang kewujudan tuhan.

Kelompok lain ialah atheis pragmatis. Disebut demikian kerana pada dasarnya seorang atheis pragmatis akan tetap menjalankan ritual keagamaannya meskipun mereka tidak mempercayai kewujudan tuhan. Menurut mereka, alam semesta dan kehidupan boleh berfungsi tanpa tuhan. Namun atheis pragmatis tidak menganggap agama sebagai sesuatu yang harus dimusuhi. Sebaliknya agama harus didekati dan dimanfaatkan.

Hakikatnya fahaman atheis juga tergolong sebagai salah satu bentuk kesyirikan. Di sebalik penolakan terhadap kewujudan tuhan, golongan atheis telah memberikan sifat-sifat ketuhanan kepada alam. Firman Allah ﷻ dalam Surah al-Jathiyah, ayat 24;

وَقَالُوا مَا هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا يُهْلِكُنَا إِلَّا الدَّهْرُ وَمَا لَهُم بِذَلِكَ
مِنْ عِلْمٍ إِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: Dan mereka berkata: “Tiadalah hidup yang lain selain daripada hidup kita di dunia ini! Kita mati dan kita hidup (silih berganti); dan tiadalah yang membinasakan kita melainkan edaran zaman.” Pada hal mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang hal itu, mereka hanyalah menurut sangkaan semata-mata.

Akhirnya mereka menyembah dan mengabdikan diri kepada hawa nafsu semata-mata. Firman Allah ﷻ dalam surah al-Furqan, ayat 43:

أَرَأَيْتَ مَنْ اتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوَاهُ أَفَأَنْتَ تَكُونُ عَلَيْهِ وَكِيلًا ﴿٤٣﴾

Maksudnya: Nampakkah (wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya tuhan yang dipuja lagi ditaati? Maka dapatkah engkau menjadi pengawal yang menjaganya jangan sesat?

Demikianlah yang terjadi apabila kekosongan jiwa dan hati manusia tidak diisi dengan kepercayaan dan keimanan kepada Allah ﷻ. Maka

hiduplah manusia bertuhankan kepada nafsu yang akan memusnahkan seluruh hidupnya.

SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan laporan sebuah pertubuhan atheis yang berpangkalan di luar negara, iaitu *Atheist Republic* dikatakan telah mengadakan perjumpaan di Kuala Lumpur. Gambar mereka dimuat naik di Facebook rasmi Atheist Republic pada 3 Ogos 2017 dengan keterangan mengenai kejayaan penganjuran tersebut. Menurut laporan portal menara.my, cawangan pertubuhan itu di negara ini dikenali sebagai '*The Atheist Republic Consulate of Kuala Lumpur*'.

Difahamkan, pertubuhan itu diasaskan oleh Armin Navabi, seorang yang dilahirkan dalam keluarga Muslim liberal. Keahlian pertubuhan ini termasuk daripada kalangan orang Melayu dan Islam yang menggelar diri mereka sebagai 'bekas Muslim'. Dengan adanya laman Facebook yang diwujudkan khusus buat golongan atheis seluruh dunia pada 2011, gerakan ini dikatakan telah berjaya menjejak mereka yang menolak kewujudan Tuhan dan sehingga kini mempunyai pengikut lebih 1.6 juta di Facebook.

SIDANG JUM'AT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷺ,

Kewujudan kumpulan seperti ini tidak seharusnya dipandang remeh dan sepi. Tindakan segera perlu diambil untuk membendung penularan fahaman atheis yang menolak kepercayaan terhadap kewujudan Tuhan, bagi memastikan doktrin berkenaan tidak berleluasa di negara ini sehingga di luar kawalan. Jika dibiarkan, adalah tidak mustahil ia akan

menjadi barah yang suatu masa nanti akan mendatangkan malapetaka yang besar terhadap pegangan akidah umat Islam di negara kita ini.

Oleh itu, semua pihak perlu berperanan serta berganding bahu antara satu sama lain. Tidak perlu menuding jari dan saling menyalahkan. Kepada mereka yang terlibat dengan kumpulan ini, sama ada yang mendokong *New atheisme* atau atheisme pragmatis, hendaklah segera bertaubat dan kembali kepada ajaran akidah Islam yang benar.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, antara pengajaran yang dapat diambil ialah;

1. Umat Islam berhadapan dengan cabaran yang semakin getir dalam mempertahankan akidah yang benar.
2. Atheisme adalah fahaman yang menolak kewujudan Tuhan dan segala yang bersifat Ilahiah.
3. Fahaman atheis amat bertentangan dengan dasar akidah Islam yang berpaksikan kepada tauhid.
4. Semua pihak hendaklah berperanan serta berganding bahu untuk membendung penularan fahaman atheis bagi memastikan doktrin berkenaan tidak berleluasa di negara ini.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.